PENGAPLIKASIAN AL-QURAN SEBAGAI SUMBER ILMU, KEHIDUPAN DAN MAQASID SYAR'IYYAH

Oleh: ATIKAH BINTI ZULKIFFLY

Umumnya kita sedia maklum bahawa Al-Quran merupakan sumber sulung daripada dua sumber perundangan utama Islam, yakni Al-Quran dan As-Sunnah. Jelas dikhabarkan sebagai sabda Nabi SAW dalam suatu hadis baginda yang diriwayatkan dan direkodkan oleh Imam Malik R.A. dalam kitabnya "al-Muwatta'":

قال النبي (ص): تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما إن تمسكتم بهما: كتاب الله وسنة نبيه[1]

Maksudnya: "Aku tinggalkan buat kalian dua perkara, yang mana tidak akan sekali-kali kalian sesat selagimana kalian berpegang dengan kedua-duanya: (yakni) Kitab Allah (al-Quran) dan Sunnah Nabi-Nya."

Hal ini jua turut jelas disebutkan dalam firman-Nya yang menganjurkan kita supaya kembali kepada ajaran Allah dan Rasul-Nya saat menghadapi sesuatu masalah atau perselisihan faham. Firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡۖ فَإِن تَنَٰزَعۡتُمۡ فِي شَيۡءٖ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمۡ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِۚ ذَٰلِكَ خَيۡرٞ وَأَحۡسَنُ تَأۡوِيلًا ٥٩ [2]

Yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul (Muhammad), dan Ulil Amri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Kemudian, jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul-Nya (as-Sunnah), jika kamu beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."[3]

---

[1] Ab. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Md Zin, *Modular STPM: Ulum al-Hadith*, Kuala Lumpur, Pustaka Salam, 2013, hlm. 31.

[2] Surah an-Nisa, 4:59.

[3] Semua terjemahan al-Quran dipetik daripada *al-Zikr: Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu*, Selangor, Al-Hidayah House of Qur'an, 2012.

Persoalannya, bagaimanakah integrasi al-Quran dapat direalisasikan dalam bidang ilmu pengetahuan, kehidupan sejagat dan maqasid syari'yyah? Ayuh kita selusuri persoalan ini dengan lebih lanjut..

Apa itu al-Quran?

Pentakrifan al-Quran dari sudut bahasa menurut al-Farra' (meninggal pada 207H), beliau berpendapat al-Quran diambil dari kata dasar Qara'in (قرائن) yang bererti: Penguat; kerana al-Quran terdiri daripada ayat-ayat yang saling menguatkan yang disokong oleh kemiripan dari satu ayat dengan ayat yang lainnya. Merujuk suatu sudut pandangan yang lain oleh al-Lihyani (meninggal pada 215H), beliau berpendapat kalimah al-Quran berasal daripada kalimah Qa-ra-a (قرأ) , bererti: Membaca. Namun demikian, beliau turut berpendapat lafaz al-Quran ialah masdar dengan makna isim maf'ul, dalam erti kata lain al-Quran memberi makna: Yang dibaca.[4]

Secara istilah, Al-Quran ditakrifkan sebagai kalam Allah SWT yang diturunkan secara lafaz dan makna kepada Nabi SAW melalui perantaraan malaikat Jibril AS secara mutawatir, ditulis dalam bentuk mashaf bermula dari surah al-Fatihah hingga surah an-Nas, yang mana jika dibaca menjadi suatu ibadat.[5]

Al-Quran turut disebut dengan beberapa nama lain, antaranya yang utama: al-Kitab (Buku), al-Furqan (Pembeza antara yang hak dan yang batil), al-Zikr (Peringatan), dan at-Tanzil (Yang diturunkan).[6]

Al-Quran sebagai sumber ilmu

Ilmu adalah suatu pengetahuan tentang perkara-perkara tertentu berasaskan kepada sumber yang sahih dan diyakini keautoritiannya. Erti kata lain, ilmu adalah kefahaman muktamad yang timbul menepati fakta yang sebenar. Justeru, tidak dapat dinafikan al-Quran juga hadir sebagai sumber ilmu yang benar daripada Allah SWT yang

---

[4] Ab. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Md Zin*, Modular STPM: Ulum al-Quran, Kuala Lumpur*, Pustaka Salam, 2014, hlm. 5.
[5] *Ibid*., hlm.6.
[6] *Ibid.*, hlm.7-9.

turut disokong penerimaannya baik melalui hadis baginda Nabi SAW mahupun pembuktian akal yang logik.

Kemukjizatan al-Quran diperlihatkan dengan tercetusnya pelbagai ilustrasi kejadian alam seterusnya membuka minda para ilmuan untuk membangkitkan persoalan dan melakukan kajian dengan lebih mendalam tentang sesuatu fenomena dari pelbagai aspek cabangan ilmu. Hal ini membawa kepada perkembangan ilmu pengetahuan yang menjadi tonggak kepada ketamadunan hidup manusia dari zaman ke zaman, tamsilnya ilmu biologi, fizik, ilmu kesihatan, ekonomi dan sebagainya.

Antara pengaplikasian ilmu yang timbul hasil kajian yang teliti daripada al-Quran adalah seperti dalam penciptaan manusia, Allah mengisyaratkan proses penciptaan manusia sebagai makhluk yang paling mulia serta yang sebaik-baik kejadiannya dalam banyak firman-Nya:

لَقَدۡ خَلَقۡنَا ٱلۡإِنسَٰنَ فِيٓ أَحۡسَنِ تَقۡوِيمٖ ٤ [7]

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.” [8]

Firman Allah yang lain menghuraikan proses kejadian manusia:

ثُمَّ خَلَقۡنَا ٱلنُّطۡفَةَ عَلَقَةٗ فَخَلَقۡنَا ٱلۡعَلَقَةَ مُضۡغَةٗ فَخَلَقۡنَا ٱلۡمُضۡغَةَ عِظَٰمٗا فَكَسَوۡنَا ٱلۡعِظَٰمَ لَحۡمٗا ثُمَّ أَنشَأۡنَٰهُ خَلۡقًا ءَاخَرَۚ فَتَبَارَكَ ٱللَّهُ أَحۡسَنُ ٱلۡخَٰلِقِينَ ١٤ [9]

Maksudnya: “ Kemudian air mani itu Kami jadikan sesuatu yang melekat, lalu sesuatu yang melekat itu Kami jadikan segumpal daging dan segumpal daging itu Kami jadikan tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian, Kami menjadikan makhluk yang (berbentuk) lain. Maha suci Allah, Pencipta yang paling baik.”[10]

[7] Surah al-Tin, 95:4.
[8] Rujuk no.3.
[9] Surah al-Mukminun, 23:14
[10] Rujuk no.3

Berhujahkan dalil ini, sekalian ilmuan Islam menolak pandangan ilmuan sains berfahaman Aristotle bahawa manusia berasal daripada darah haid.[11] Maka, dari al-Quran tercetusnya sifat inkuiri yang tinggi dalam pemikiran manusia, seterusnya menyumbang kepada perkembangan sains dan teknologi dalam bidang embriologi yang wujud sehingga kini.

Integrasi al-Quran dan kehidupan

Al-Quran menjadi nadi kehidupan setiap insan yang boleh dipelajari dan dikaji isi kandungannya oleh sesiapa sahaja tanpa mengira asal-usul dan latarbelakang orang yang membacanya. Malahan, intipati al-Quran juga mempamerkan Islam sebagai agama universal yang memenuhi citarasa naluri semulajadi manusia.

Malahan, Allah SWT juga menunjukkan kebijaksanaan-Nya selaku Pentadbir sekalian alam ini dengan mengatur sistem dengan cara yang terbaik dan syumul demi kemaslahatan hidup makhluk-Nya, firman Allah SWT sendiri:

وَإِذۡ قَالَ رَبُّكَ لِلۡمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٞ فِي ٱلۡأَرۡضِ خَلِيفَةٗۖ قَالُوٓاْ أَتَجۡعَلُ فِيهَا مَن يُفۡسِدُ فِيهَا وَيَسۡفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحۡنُ نُسَبِّحُ بِحَمۡدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَۖ قَالَ إِنِّيٓ أَعۡلَمُ مَا لَا تَعۡلَمُونَ ٣٠ [12]

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan khalifah di bumi itu orang yang akan berbuat kerosakan padanya dan yang menumpahkan darah padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan menyucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui".[13]

Antara aturan Allah SWT dalam memastikan sistem kehidupan makhluk-Nya berada dalam keadaan yang teratur dan terbaik adalah melalui syariat dan penetapan hukum, tatasusila kehidupan yang mesti dipatuhi bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat melalui al-Quran dan al-Sunnah. Mari kita imbas sejenak akan

---

[11]Terjemahan dari laporan (t.p.),*'Ilm al-Ajinnah fi Dhou' al-Qur'an wa as-Sunnah: Dapatan dari Muktamar Antarabangsa I'jaz Ilmi Al-Quran dan As-Sunnah,* Islamabad, (t.n.p), 1987, hlm. 7.
[12] Surah al-Baqarah, 2:30.
[13] Rujuk no.3.

penggubalan Piagam Madinah, piagam bertulis pertama dan yang tertua di dunia oleh baginda Rasulullah SAW, digubal berlandaskan wahyu Allah SWT akhirnya berjaya menyatupadukan umat manusia dengan penuh keharmonian, sekaligus menjadi tauladan kepada negara Islam pada masa kini seperti di Brunei.

Integrasi al-Quran dan Maqasid Syar'iyyah

Bagi menjaga keharmonian manusia sejagat juga, Allah SWT mendatangkan al-Quran dengan panduan dan petunjuk ke arah memelihara lima maqasid syari'yyah yang dimanifestasikan dalam Islam, iaitu : Hifz al-Din (Memelihara agama), Hifz al-Nafs (Memelihara jiwa), Hifz al-Akli (Memelihara akal), Hifz al-Nasb (Memelihara keturunan), dan Hifz al-Mal (Memelihara harta).[14]

Justeru, al-Quran didatangkan dengan syariat dan hukum-hukum yang wajib dipatuhi oleh sekalian umat manusia bagi memelihara kelima-lima maqasid syar'iyyah yang digariskan. Maka, secara tidak langsung, hal ini dapat menjauhkan masyarakat dari terus menindas dan merasa tertindas, kehormatan diri individu, masyarakat dan negara terus terbela di samping meraih kehidupan yang diredhai Allah SWT. Tamsilnya, hukuman had yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam al-Quran dapat memberi kegerunan dan pengajaran kepada kita agar menjauhkan diri dari melakukan sebarang perbuatan yang tercela dan menyalahi syariat Islam.

Kesimpulan

Berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan beserta dalil-dalil naqli dan logik yang kukuh, maka sempurnalah hujah bagi membuktikan peranan al-Quran yang penting dalam menjamin pembangunan ilmu pengetahuan yang berterusan, mengatur sistem tadbir kehidupan yang syumul dan terbaik dalam pelbagai aspek, dan akhirnya mewujudkan kestabilan kehidupan manusia selari dengan maqasid syar'iyyah yang digariskan. Harapan dari lubuk hati penulis semoga penghayatan terhadap al-Quran ini diteruskan dan dipelihara melalui pengaplikasian dalam kehidupan, semoga Allah merahmati dan memberkati umat ini sekaliannya, in shaa allah.

---

[14] ABIM, 2015. *Maqasid Syariah Asas Kualiti Kehidupan Terbaik!- Presiden Abim.* http://www.abim.org.my/profil/minda-qiyadah/item/652-kepentingan-maqasid-syariah.html . (13 April 2019)

RUJUKAN

Ab. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Md Zin, 2013. *Modular STPM: Ulum al-Hadith*, Kuala Lumpur, Pustaka Salam.

(Tanpa pengarang), 2012. *Al-Zikr: Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu*, Selangor, Al-Hidayah House of Qur'an.

Terjemahan dari laporan (t.p.),*'Ilm al-Ajinnah fi Dhou' al-Qur'an wa as-Sunnah: Dapatan dari Muktamar Antarabangsa I'jaz Ilmi Al-Quran dan As-Sunnah,* Islamabad, (t.n.p), 1987, hlm. 7.

http://www.abim.org.my/profil/minda-qiyadah/item/652-kepentingan-maqasid-syariah.html . Maqasid Syariah Asas Kualiti Kehidupan Terbaik!-Presiden Abim. (13 April 2019)